Beliau mengulas nelayan Vietnam yang semakin agresif apabila melanggar KM Pekan milik APMM menggunakan bot mereka ketika cuba meloloskan diri daripada penguat kuasa.

"Mereka ini masih degil menangkap ikan kita, jadi apabila melihat kehadiran KM Pekan, mereka tertekan dan cuba merosakkan kapal untuk menghalang tugas penguat kuasa.

"Ia hanya cubaan mereka menakutkan kita, tetapi tidak berjaya," katanya.

Selasa lalu, kru KM Pekan mengambil masa empat jam sebelum berjaya memintas bot nelayan Vietnam yang melanggar kapal berkenaan ketika cuba meloloskan diri.

Sebelum ini, Harian Metro secara eksklusif dalam laporan bersiri mendedahkan wujud komplot mencuri hasil sumber laut negara melalui kegiatan bot klon dan lesen ali baba.

Kegiatan yang berleluasa sejak beberapa tahun lalu dikatakan kebal daripada undang-undang Malaysia di mana ia dibantu oleh dalang rakyat Vietnam yang menetap di negara ini serta 'orang dalam' pihak berkuasa sendiri.

Pendedahan itu turut mendapat perhatian Dewan Rakyat yang seterusnya meluluskan Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019, Selasa lalu.

# Bot disyaki diklon ditahan APMM Terengganu

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan sebuah lagi bot nelayan Vietnam bersama lima nelayan disyaki bot klon di perairan Terengganu kelmarin.

Lima nelayan berusia 22 hingga 37 tahun ditahan pada jam 9.36 pagi berhampiran muara Kuala Kemaman menerusi Op Iman.

Selain itu, APMM turut merampas 5,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan dengan rampasan keseluruhan termasuk bot dianggarkan bernilai RM800,000.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, siasatan mendapati tekong bot berkenaan mendakwa datang ke perairan negara untuk menunda pulang bot senegara mereka di Pusat Tahanan Vesel (PTV) Maritim Negeri Pahang di Kuala Kemaman yang terlebih dahulu dilepaskan oleh Mahkamah Sesyen Kuantan.

**FAKTA**
APMM turut merampas 5,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan

"Kita difahamkan tekong itu diupah untuk menunda bot rakan senegaranya yang mendapat perintah dipulangkan semula oleh pihak mahkamah.

"Ketika ditahan, tiada rampasan hasil laut dan terdapat peralatan menangkap ikan di atas geladak bot. Kita menahan mereka untuk tindakan dan siasatan lanjut," katanya dihubungi semalam.

Muhammad Suffi berkata, pihaknya menahan bot terbabit selepas mereka gagal mengemukakan dokumen selain disyaki bot klon.

"Biasanya kalau bot dengan nombor pendaftaran JHF 5442; ia bermakna berdaftar di Johor, bagaimanapun bot ini berpangkalan di Pahang.

"Kita tidak dapat mengesahkan bot itu klon atau sebaliknya kerana pemeriksaan fizikal oleh Jabatan Perikanan belum dilakukan bagi mengesahkan status itu.

"Kita menahan mereka kerana kegagalan mereka mengemukakan dokumen dan tidak menolak kemungkinan ia bot klon," katanya.

**Bagan Serai**

## Masih dikawal nelayan tempatan

Perairan sekitar daerah Kerian masih dikuasai nelayan tempatan dan tiada isu monopoli oleh warga asing sama ada membabitkan aktiviti penangkapan ikan atau proses pendaratan serta jualan di jeti perikanan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kerian Chan Leong Peoh berkata, setakat ini, pihaknya tidak menerima aduan berkaitan sebarang pencerobohan nelayan asing di perairan Kerian.

"Semua aktiviti penangkapan ikan di perairan kami dilakukan nelayan tempatan.

"Bagaimanapun, di jeti terdapat pekerja asing, namun tidaklah sampai menguasai atau memonopoli aktiviti di jeti pendaratan ikan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pihaknya tidak menghadapi isu kawasan perairan dicerobohi atau sumber laut dicuri nelayan asing seperti yang berlaku di Sabah, Sarawak serta perairan pantai timur.

"Setakat ini, nelayan tempatan di sini bersatu hati dalam menjalankan aktiviti perikanan.

"Cuma bagi aktiviti pengusahaan sangkar ikan, ia ternyata dikuasai warga asing dan boleh dikatakan 100 peratus sangkar ikan di sini diusaha atau menggunakan tenaga kerja warga asing," katanya.

| Headline | NAFAS sasar sejuta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 11,025 |
| Page No | 3 | Readership | 33,075 |
| Language | Malay | ArticleSize | 154 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 341 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,023 |



# NAFAS sasar sejuta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan

KOTA BHARU: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyasarkan satu juta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan berbanding 900,000 ahli buat masa sekarang.

Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Mohd Hisyamuddin Ghazali berkata pertubuhan itu yakin mampu mencapai sasaran berkenaan menerusi pelbagai program yang akan dianjurkan selepas ini.

Antara program yang direncanakan ialah Reformasi Peladang Pengkalan Chepa selama dua hari di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa di sini, dengan mengadakan beberapa segmen dan aktiviti menarik, santai dan ilmiah dengan sasaran 1,000 peserta.

"Antara pengisian program ialah Cerna Minda Tani iaitu Kursus Agropreunuer Muda, Jualan Untuk Kita iaitu jualan ayam dengan harga promosi, Ziarah Peladang serta pameran daripada jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat swasta.

"Seminar yang diadakan diharap dapat memberi pendedahan dan latihan secara teori dan praktikal kepada ahli-ahli peladang dan penduduk setempat yang berminat untuk meneroka industri pertanian," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian program itu di sini, kelmarin.

Program berkenaan dirasmikan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Datuk Husam Musa.

Mohd Hisyamuddin berkata, program Reformasi Peladang itu dilaksanakan di 29 lokasi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak sepanjang tahun ini yang bertujuan mengeratkan hubungan kerjasama antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan.

Sementara itu, Husam berkata inovasi dalam bidang pertanian perlu diteruskan dari semasa ke semasa bagi memodenkan sektor itu sekaligus memberi keuntungan kepada pemegang taruh.

Dasar yang dirangka Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah berasaskan tiga dimensi sektor agromakanan iaitu keselamatan makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakkan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa. -Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Pusat Informasi Padi manfaatkan petani Tambatoun

**SABAH** - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin melancarkan Pusat Informasi Padi di Kampung Tambatuon Kota Belud di sini, bagi menjalankan pelbagai program berorientasikan penyaluran maklumat.

Tze Tzin berkata, Pusat Informasi Padi itu membantu golongan petani memacu pemindahan teknologi setempat dan memaksimumkan pembangunan ekonomi petani.

"Golongan petani di kampung ini bakal mendapat manfaat selari arus pembangunan pertanian ketika ini," katanya ketika melancarkan pusat berkenaan di sini kelmarin.

Tze Tzin berkata, menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), kerajaan komited memastikan pembangunan pertanian negara yang mampan.

Beliau berkata, agensi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud akan melaksanakan dua program utama iaitu pengeluaran padi lestari berkonsepkan kejuruteraan ekologi dan pembangunan pusat pemindahan teknologi setempat.

"Fokus utama kedua-dua program tersebut ialah meningkatkan hasil pengeluaran padi melalui kerja-kerja perataan sawah, menaik taraf kemudahan infrastruktur sawah serta aktiviti pengembangan di lapangan bagi pemindahan teknologi kepada golongan sasar," katanya.

Katanya, melalui program mekanisasi dan automasi agro makanan, IADA menyediakan kemudahan peralatan dan kelengkapan pertanian.

Katanya, ia termasuk penyembur galas bermotor sebanyak 36 unit, pam penyembur berketepatan tinggi 36 unit, mesin pemotong rumput (lima unit), traktor pembajak (tiga buah), mini jentera *power tiller* (12 buah), sebuah *box leveller* dan sebuah mini jentuai.

"Sebanyak 11 pakej projek berjumlah RM346.1 juta yang akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP MOA) dijangka dibangunkan sehingga tahun 2020," katanya.

FOTO: ZAHID IZZANI




**Tze Tzin bergambar bersama ahli Kembara Media MOA dalam majlis perasmian Pusat Informasi Padi di Kampung Tambatuon di Kota Belud, Sabah.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt to collaborate with China to improve rice yields | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 208 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,105 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,315 |



# Govt to collaborate with China to improve rice yields



KOTA BELUD: The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) wants to collaborate with China to introduce new technology here in efforts to improve rice yields in the country, says its Minister Datuk Salahuddin Ayub (pic).

He said the use of modern technology in the paddy sector in China has allowed the country to produce up to eight tonnes per hectare, apart from storing enough rice supply for the use of its 1.4 billion people.

"During the Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's visit to China with me and accompanied by MOA's Secretary-General Datuk Sallehhuddin Hassan, we obtained interesting information on how China sustains its annual supply of rice and to keep it sufficient for its 1.4 billion population.

"Based on that, we heed to the Prime Minister's call for Malaysia, particularly us at MOA, to collaborate with China to introduce new technology (that China used in rice sector) in the country," he told reporters after handing over the key of rice harvesting machine to farmers in Kampung Merabau, here, Saturday.

Also present were Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong, Sallehhuddin and Kota Belud Integrated Agricultural Development Area (IADA) Director Salmah Labulla.

Salahuddin said he planned to visit Hainan, China, as it was among the successful sites in the country's rice sector as well as visiting several research institutions.

He said modern technology used in rice cultivation in China, to be introduced here, would cover the whole value chain in the sector including looking at the use of drones and Artificial Intelligence technology.

Such high technology was expected to be implemented by Kota Belud IADA towards increasing rice yields and further boosting farmers' income, he said.

In another development, Salahuddin said the MOA to formulate a new policy in the fisheries sector to ensure better yields for fishermen, thus generating substantial returns to the group.

He said the new policy was also in line with the Government's efforts to safeguard marine resources, apart from carrying out enforcement against foreign fishermen who trespassed into the country's territorial waters.

"The Ministry is drafting this new policy and it is (expected) to be completed within three months," he said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TINGKAT HASIL PADI | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3,028 |
| Page No | 2 | Readership | 9,084 |
| Language | Malay | ArticleSize | 213 cm² |
| Journalist | Suzianah Jiffar | AdValue | RM 5,036 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,107 |



# TINGKAT HASIL PADI

## Kerjasama bawa teknologi China tambah pengeluaran negara

**Suzianah Jiffar**
suzianah@bh.com.my

**Kota Belud**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan bekerjasama dengan China bagi membawa teknologi penanaman padi dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara termasuk di Sabah.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini tertarik dengan cara China mengekalkan bekalan beras mereka selama setahun bagi kegunaan 1.4 bilion rakyatnya.

"Dalam lawatan bersama Perdana Menteri ke China, beliau tertarik dengan teknologi digunakan oleh negara itu berkaitan penanaman padi.

"Justeru, kita sahut hasrat Perdana Menteri agar Malaysia khususnya MOA dapat berkolaborasi dengan China supaya dapat membawa teknologi berkaitan termasuk hanya dengan kadar air lima sentimeter, mereka boleh menanam padi dan mengeluarkan hasil lapan tan sehektar," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Kunci Jentera Penuai di Kawasan Penanaman Padi, Kampung Metabau, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong, Ketua Setiausaha MOA Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Salmah Labulla.

Salahuddin berkata, kementeriannya juga bercadang untuk mengadakan lawatan ke Hainan, China iaitu lokasi penanaman padi yang berjaya di negara berkenaan.

"China adalah destinasi kita dalam usaha memajukan industri penanaman padi dengan teknologi baharu di negara ini termasuk di kawasan IADA di Sabah.

"Kita tidak hanya mahu bekerjasama dalam teknologi berkaitan penanaman padi, bahkan penyelidikan lain yang baharu termasuk baja dan cara menyuburkan tanah," katanya.



SALAHUDDIN

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt wants to collaborate with China to boost rice yields | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 162 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 452 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,355 |



# Govt wants to collaborate with China to boost rice yields

**KOTA BELUD:** The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) wants to collaborate with China to introduce new technology here in efforts to improve rice yields in the country, says its minister Datuk Salahuddin Ayub.

He said the use of modern technology in the paddy sector in China has allowed the country to produce up to 8 tonnes per hectare apart from storing enough rice supply for the use of its 1.4 billion people.

"During the Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's visit to China with me and accompanied by MOA's secretary-general Datuk Sallehhuddin Hassan, we obtained interesting information on how China sustains its annual supply of rice and to keep it sufficient for its 1.4 billion population.

"Based on that, we heed to the prime minister's call for Malaysia, particularly us at MOA, to collaborate with China to introduce new technology (that China used in rice sector) in the country," he told reporters after handing over the key of rice harvesting machine to farmers in Kampung Merabau here, yesterday.

Also present were Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong, Sallehhuddin and Kota Belud Integrated Agricultural Development Area (IADA) director Salmah Labulla.

Salahuddin said he planned to visit Hainan, China, as it was among the successful sites in the country's rice sector as well as visiting several research institutions.

He said modern technology used in rice cultivation in China, to be introduced here, would cover the whole value chain in the sector including looking at the use of drones and Artificial Intelligence technology.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI | 36 |

# KADA rancang ternak lembu wangyu

**KOTA BHARU** - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bercadang menternak lembu wagyu atau lembu Jepun di Kelantan.

Ahli Lembaga Kada, Mohd Zulkifli Zakaria berkata, cadangan itu dikemukakan oleh Pengerusi KADA Senator Datuk Husam Musa selepas melihat dua individu baru-baru ini membeli lima ekor lembu wagyu dari Thailand yang melibatkan kos hampir RM100,000.

Lembu itu diternak di Tumpat dan Salor di sini.

"Kita akan melihat dahulu perkembangan ternakan lembu wagyu oleh dua individu berkenaan dan jika sesuai, KADA akan usahakan untuk diternak secara besar-besaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Koperasi Keusahawanan Penternakan dan Pertanian Kelantan Berhad di Kampung Tegayong Melor di sini semalam.

Hadir sama, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Kelantan Zariah Zakaria dan Pengerusi Penaja koperasi tersebut Datuk Mohd Rozaman Yahya.

Ternakan itu biasanya diimport dari Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Australia.

Semakan harga secara dalam talian di salah sebuah pasar raya di Malaysia menunjukkan satu kilogram daging lembu wagyu berharga RM446.90. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 66 |

# Pelancongan perlu kerjasama negeri

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
pengarang@utusan.com.my

■ BENTONG 13 JULAI

KEMENTERIAN Pelancongan, Seni dan Budaya mahu menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri bagi merancakkan lagi industri pelancongan termasuk dalam meningkatkan jumlah pelancong.

Menterinya, Datuk Mohamaddin Ketapi berkata, pihaknya akan membantu dan memberikan sokongan kepada mana-mana usaha yang perlu bagi merancakkan pelancongan seperti dalam penyediaan infrastruktur dan promosi serta mengkomersialkan kawasan-kawasan terlibat.

"Kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ialah untuk memperbanyakkan lagi pelancong masuk bukan sahaja di negeri ini tetapi di setiap negeri di Malaysia.

"Ada lagi kawasan termasuk air terjun dan dan sungai yang masih tidak dikomersialkan di negeri ini dan saya berhasrat menjalinkan kerjasama dengan Pahang untuk memajukan kawasan tersebut," katanya dalam majlis pelancaran *Wow Wild Bentong* di sini semalam.



MOHAMADDIN KETAPI

Menurut Mohamaddin, Pahang mempunyai banyak produk pelancongan menarik dan antara negeri merekodkan jumlah pelancong yang ramai.

Katanya, hal demikian dapat dilihat apabila daerah ini sahaja mempunyai produk pelancongan seperti durian Musang King dan halia Bentong terbukti mempunyai kualiti terbaik di dunia.

"Selain produk makanan, Bentong juga sudah lama terkenal dengan pusat peranginan seperti Genting Highlands, Bukit Tinggi, Berjaya Hills Resort dan Janda Baik selain pusat rekreasi seperti Hutan Lipur Chamang, serta Kolam Air Panas Bentong," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kemasukan pelancong ke daerah ini dijangka meningkat dan mencatat rekod melebihi 200,000 orang menjelang hujung tahun ini berbanding 143,641 orang yang dicatatkan pada tahun lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/7/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 66 |

# Persahabatan Pahang, China menerusi Musang King

**RAUB 13 Julai** - Kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan Bandar Persahabatan Raub-Naning (China) dalam usaha merapatkan hubungan perniagaan dengan pengusaha di negara itu berasaskan pasaran durian Musang King.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, hasrat kerajaan negeri membina hubungan baik dengan China antara strategi mengadakan pasaran yang lebih luas durian Musang King khususnya yang mula dirintis di dua buah daerah dalam provinsi Naning iaitu Ling Shan dan Guang Xi.

"Kerjasama ini dapat dieratkan menerusi hubungan perjanjian pasaran dari pengurusan eksport Musang King antara kerajaan negeri, pentadbiran daerah Raub, persatuan pekebun buah-buahan negeri ini dengan pengusaha di Naning.

"Perkara ini juga antara strategi kerajaan negeri untuk menarik ramai pelancong dari China mengunjungi tempat menarik di negeri ini termasuk Raub sebagai pusat pengeluar Musang King," katanya ketika merasmikan Festival Durian Antarabangsa Raub 2019 di Dataran Raub di sini malam semalam.

Menurut Wan Rosdy, sebanyak tujuh pengusaha buah-buahan dari Naning sudah menterjemahkan nilai persahabatan itu apabila membuat kunjungan muhibah ke daerah ini khususnya meninjau ladang Musang King dan melihat cara pemprosesan raja buah berkenaan untuk dieksport ke China.



**WAN ROSDY WAN ISMAIL (tiga dari kiri) merasmikan Festival Durian Antarabangsa Raub 2019 di Dataran Raub, Pahang, malam semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI TENGAH | 33 |

# Kementerian bantu pelancongan Pahang

BENTONG - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya akan menjalin kerjasama dengan kerajaan Pahang bagi merancakkan lagi industri itu.

Menterinya, Datuk Muhamaddin Ketapi berkata, sokongan dan bantuan akan diberikan berdasarkan keperluan termasuk penyediaan infrastruktur dan promosi.

Menurutnya, kerjasama itu bagi meningkatkan kemasukan pelancong dari seluruh negara.

"Ada lagi kawasan termasuk air terjun dan dan sungai yang belum dikomersialkan di negeri dan kita kerjasama ini akan memajukan lokasi itu," katanya pada Majlis Pelancaran Wow Wild Bentong semalam.

Katanya, kementerian akan berusaha memastikan Bentong sebagai destinasi eko-pelancongan, agro-pelancongan dan pelancongan kesihatan.

"Jadi, saya harap inap desa dapat ditambah tahun ini supaya kita dapat meningkatkan pendapatan inap desa melebihi RM70,000 berbanding RM53,390 tahun lalu," katanya.

Hadir sama Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari, Young Syefura Othman; ADUN Bilut, Lee Chin Cheng dan Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Musa Yusof.



Mohamaddin (empat dari kiri) menunjukkan durian Musang King semasa merasmikan Karnival Wow Wild Bentong 2019 semalam.

Muhamadin berkata Bentong turut mempunya produk seperti durian musang king dan halia yang terbukti terbaik di dunia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SELATAN | 40 |

# ‘Kami malu nak jemput tetamu’

***Penduduk berdepan masalah lalat sejak empat tahun lalu***

NOR FARHANA YAACOB



MOHD SAAD

**ALOR GAJAH**

Aktiviti penduduk Kampung Baru Menggong di sini terganggu disebabkan masalah lalat yang berlarutan sejak lebih empat tahun lalu.

Penduduk mendakwa masalah itu dipercayai berpunca daripada ladang ternakan ayam berhampiran rumah mereka.

Bagi **Satina Yama**,59, berkata, lalat bukan sahaja banyak waktu siang malah juga pada waktu malam dan makin serius sejak hampir tiga tahun lalu.

Menurutnya, sebelum ini lokasi ternakan ayam itu jauh daripada kawasan kampung, namun keadaan semakin teruk apabila pihak terbabit telah membesarkan ladang sehinggakan lokasi itu terletak berhampiran kawasan penempatan mereka.

“Kami di sini sudah tidak tahu nak buat macam mana lagi. Walaupun cuci lantai setiap hari, namun lalat masih banyak.



Kilang ternakan ayam di Kampung Baru Menggong. Gambar kecil: Penduduk terpaksa menggunakan pelekat lalat.

“Tidak wajar pembinaan ladang berdekatan kampung kami. Lagipun sistem operasi ladang juga tidak teratur yang akhirnya kami terpaksa tanggung lalat yang banyak,” katanya.

**Mohd Saad Abdul Mutalib**, 63, pula mendakwa masalah tersebut berlaku disebabkan sistem pengurusan ladang termasuk pengurusan sisa tidak sistematik.

Menurutnya, lebih menyedihkan ramai penduduk kampung terpaksa menangguhkan perancangan bagi melaksanakan kenduri-kendara disebabkan masalah itu.

“Kami malu nak jemput tetamu ke rumah terutama ketika kenduri.

“Ada juga penduduk terpaksa mengadakan kenduri pada waktu malam memandangkan malam jumlah lalat berkurangan, namun tetap ada,” katanya.

Sementara itu, **ADUN Machap Jaya, Ginie Lim Siew Lin** berkata, pihaknya mengambil tindakan drastik dengan memberikan tempoh sebulan kepada pengusaha ladang ternakan ayam itu untuk menyelenggara serta menguruskan sistem pengurusan najis dan pengeluaran ayam dengan lebih baik.

“Kita beri tempoh sehingga pertengahan Ogos ini agar laksana sistem pengurusan lebih teratur dan melakukan penyemburan racun serta langkah pencegahan lain bagi mengelakkan perkara ini terus berlarutan,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | BERITA HARIAN AHAD | NASIONAL | 60 |

Inovasi

# Sleek Pump jamin madu berkualiti

## Hasil ciptaan penyelidik UMP bakal dipasarkan

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ternakan madu kelulut menjadi antara perusahaan pilihan pengusaha pada masa ini berikutan potensinya menjanjikan pulangan lumayan.

Namun, ada satu masalah dihadapi penternak iaitu ketiadaan peralatan khas untuk menyedut madu bermutu menyebabkan kualitinya sedikit terjejas dan tidak memberikan pulangan seperti disasarkan.

Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif melakukan penyelidikan yang kemudian berjaya menghasilkan alat khas dikenali Sleek Pump bagi memudahkan pengusaha menyedut madu tanpa menjejaskan kualitinya.

Penyelidikan diketuai pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UMP, Dr Mohamad Firdaus Basrawi dan dibantu penyelidik lain iaitu Dr Daing Mohamad Nafiz Daing Idris, Dr Mohd Hazwan Yusof, Dr Mohd Yusof Taib, Abdullah Inrahim Mahmoud Al Anati, Luqman Abdul Halim dan Siti Sarah Shaikh Mohd Raziff.

Mohamad Firdaus berkata, idea menghasilkan alat penyedut khas itu bermula pada 2016 susulan permintaan daripada pengusaha madu kelulut berdaftar dengan Persatuan Usahawan Kelulut Pahang (PUKP) bagi menyediakan kaedah menyedut atau menuai hasil madu lebih mudah serta murah.

"Sebelum ini, pelbagai kaedah digunakan untuk menyedut madu, antaranya dengan menggunakan penyedut minuman, picagari dan pam, namun ia mempunyai masalah seperti kualiti madu berkurangan, madu berbuih serta sedutan perlahan.

"Sleek Pump adalah alat penyedut madu menggunakan bateri dan mudah dibawa ke mana sahaja. Pada peringkat awal, ia diuji oleh 30 penternak daripada PUKP yang memberikan maklum balas mengenainya.

"Berdasarkan testimoni diterima, mereka mengatakan pam itu lebih laju berbanding produk atau kaedah lain selain baterinya juga tahan lebih lama iaitu sehingga empat jam," katanya di sini, baru-baru ini.

Mohamad Firdaus berkata, hasil madu juga lebih baik iaitu kurang berbuih kerana kebanyakan penggemar madu tidak menyukai madu terlalu banyak buih sehingga kadangkala boleh menyebabkan botol penyimpanan pecah.

"Menggunakan peralatan ini, sedutan juga dapat dibuat terus dari kantung madu dalam sarang kelulut yang kemudian dimasukkan ke dalam botol tanpa perlu menunggu masa di antara satu hingga empat minggu bagi proses pemendapan buih.

"Ia dalam proses dipasarkan dan dijangka dijual pada harga RM500 hingga RM600 seunit," katanya.



*Penyelidik UMP menghasilkan Sleek Pump yang memudahkan pengusaha ternakan madu kelulut menyedut madu tanpa menjejaskan kualitinya.*

> **Sleek Pump adalah alat penyedut madu menggunakan bateri dan mudah dibawa ke mana sahaja.**
>
> *Dr Mohamad Firdaus Basrawi, Ketua penyelidik*



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/7/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |


# Anwar janji bincang isu nelayan

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 13 JULAI

PRESIDEN PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan perjumpaan dengan Ketua Menteri Chow Kon Yeow bagi membawa dan membincangkan keresahan nelayan berhubung projek tambak laut di negeri ini.

Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, beliau tidak boleh membuat sebarang keputusan atau menghalang pelaksanaan projek tambak laut tersebut sebaliknya mahu mendengar pandangan semua pihak berhubung projek itu.

Tambahnya, beliau juga sudah berjumpa dan mendengar daripada semua pihak termasuk nelayan, penduduk setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pemaju projek berkenaan.

Menurutnya, projek itu wajar diberi ruang untuk dikaji semula meskipun keputusan mengenainya dari sudut laporan impak alam sekitar (EIA) sudah diluluskan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Saya akan bertanya dengan pihak kerajaan negeri adakah boleh kita menjamin nasib dan kepentingan nelayan. Kalau kata boleh, kena pastikan ada jawapan munasabah.

"Saya tahu ini adalah sukar, sebab saya tidak pernah tahu dalam mana-mana projek tambak laut secara besar-besaran di seluruh dunia yang mana nasib nelayan terjamin," katanya.




ANWAR IBRAHIM berucap dalam majlis perjumpaan dengan penduduk dan nelayan di Teluk Kumbar, Pulau Pinang semalam. - BERNAMA

Beliau berkata demikian dalam sesi pertemuan bersama lebih 200 orang terdiri daripada nelayan, penduduk dan ahli NGO di Jeti Nelayan Sungai Batu, Teluk Kumbar di sini hari ini.

Pertemuan itu diadakan susulan bantahan sekumpulan nelayan dari negeri ini di Parlimen minggu lalu berhubung projek tersebut yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kerajaan negeri sebelum ini mengumumkan pelaksanaan projek tambak laut seluas kira-kira 1,800 hektar itu di Permatang Damar Laut di sini bagi membina tiga pulau buatan untuk tujuan pembangunan namun mendapat bantahan banyak pihak.

Dalam pada itu, Anwar turut mengingatkan para nelayan supaya tidak menolak sepenuhnya projek tersebut dengan melihatnya seperti sebuah malapetaka.

Katanya, nelayan juga perlu melihat sekiranya ada ruang yang memerlukan mereka menerima pembaharuan tetapi dengan pendekatan yang rasional dan turut mengambil kira kebajikan mereka.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) Nazri Ahmad menyambut baik perhatian yang ditunjukkan Anwar yang disifatkan sebagai harapan baharu kepada nelayan dalam menolak projek tersebut.

Katanya, beliau berbesar hati rintihan nelayan khususnya dan penduduk negeri ini amnya yang bimbang dengan nasib serta masa depan mereka berhubung projek itu mendapat perhatian di peringkat lebih tinggi seterusnya berharap ada jalan penyelesaian terbaik berhubung isu berkenaan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 140 farming place will be upgraded | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Kuching) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 45,720 |
| Page No | 32 | Readership | 137,160 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 580 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,218 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,655 |



[redacted]

### 尋求砂政府撥款

# 140農業復耕站將升級

[illegible]

### 弄拉玛设收集加工站

[illegible]



### 道格拉斯：農產量增5倍

# 明年採新灌溉施肥系統

[illegible]

### 建立供应链推销农产品

[illegible]

### 榴梿果泥成功外销中国

[illegible]

### 表扬杰出荣休职员

[illegible]

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | No sloppy in regulatory work to lay a solid foundation on reputation of Malaysia`s bird`s | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News (Kuching) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | See Hua Supplement | Circulation | 63,549 |
| Page No | 6 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 366 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,052 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,156 |





我国燕窝口碑佳，大受国外认可，源于厂商遵循政府规定，从燕窝采集到加工流程都严谨把关。

# 監管工作不馬虎 奠定我國燕窩名聲

我国燕窝品质大受国外认可，口碑极佳，大马燕窝产业出口商协会会长拿督蔡千根认为，这是国内法规严谨使然。

「产品好不好并非以产量或产地定义，而是管理方式，如何打理燕屋、注重卫生，都是能否产出优质燕窝的关键因素。」

蔡千根解释，我国农业及农基工业部、卫生部早已制定明确规范予燕窝厂商，还会派遣官员来抽检出口品，监管工作很不马虎。

「这很重要，因我国燕窝最大消费国是中国，他们十分认真看待进口燕窝品质和管控流程。我们的货品乾净，他们才认可我们。」

他指出，中国会以病毒、昆虫、细菌这3大指标评价进口货品，目的为防堵疫情。「他们人口太多，爆发疫情后会很快蔓延全国，例如猪瘟，区区3个月时间就已从北方传染到南方，所以不得不严格管制进口物品。」

「我们要打进这庞大市场，就得考量这些因素，提高品质要求。」

他也感叹，燕窝业者在我国法规的地位仍很模糊，致碍申请外劳或贷款程序，冀农业部及内政部能正视此事。「业者填文件时，我们不被允许写自己是『燕窝业者』，只能填工业或农业商人。」

「一旦填农业，移民局来检查，发现外劳正在挑毛后，会觉得这是工业范畴；填工业时，官员则认为外劳像是进行农业的工作，总之两头不到岸。」

他续言，基于本地人不愿从事挑毛、清洁等工作，外劳依旧是业者主要人力资源，若政府不正视上述窘境，整体产业会进步缓慢。「改善问题后，这产业才受法令保护，有助吸引更多投资。」

## 只是噱頭 血燕非燕子吐血

一些燕窝食用者特爱血燕，认为其营养价值高于较为普见的白燕。大马燕窝产业出口商协会会长拿督蔡千根解释，所谓「燕子呕心沥血吐出的血丝」，只是燕窝厂商蒙骗消费者的行销手法。

蔡千根指，血燕只是噱头，旨在与白燕区隔，吸引消费者砸更多钱购买。

他透露，血燕可分成自然制成及人工制成。前者即燕巢未被采集时，受山洞气候、潮湿、铁质和矿物质影响，自然由白色氧化成红色。

至于人工制成，他说由燕屋主将大量鸟粪搬进燕屋，任由粪便产生的氨气结合潮湿度染红燕巢。「有业者原仅打算利用粪便臭味吸引更多燕子飞进其燕屋筑巢，孰料却一并染红燕巢。」

「此前血燕制造者大多为印尼燕屋主，2011年爆发血燕风波后，虽已不多人做，但国人还是得小心，别被商家的广告欺骗。」

他补充，华人普遍有「血色食品比较补」的迷思，更容易成为不良商家欺骗目标。



蔡千根（左3）认为，与其向中国出口毛燕，倒不如利用毛燕制成高附加价值产品，带领我国燕窝产业升级。左起为萧维阳、丘淑霖、谢劲程。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hard to guarantee fishermen not affected by PSR project | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A4 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 387 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,634 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,901 |



# 難保證填海不影響漁民

## 安華促兩方商策解決

（槟城13日讯）针对槟城南部填海计划，公正党主席拿督斯里安华指出，综观各国各地这么多填海计划，没有一个能保证不影响渔民利益。

他说，就算有新的码头、新的渔船、新的航道，都不是最好的解决方案，最重要是大海有没有鱼。

他说，虽然他不是渔夫，但他知道渔获才是渔民的生计。

不过安华并没有对此南部填海计划表达任何立场，他反而促请两方都要更仔细协商，找出合理和更具体的解决方案。

安华昨日在面子书发文指南部填海计划对渔民生计和环境造成很大影响，并向首相敦马哈迪表达要会见渔民的意愿。

安华今午来到公巴双溪峇都，与槟州渔民协会主席纳兹里、反对填海计划的非政府成员及渔民们会面，出席者约有300人。

他致词时说，他已详阅目前渔民到国会大厦提呈的备忘录、有关此填海计划的报告及非政府组织提出的意见。

他指出，虽然环境影响评估报告（EIA）已获批，但若当中出现问题，可重启讨论和检讨。

"有些事项可能已作讨论，但我们可以再深入检讨，确保万无一失。我们不要一方面发展实体，但另一方面却在摧毁人类。"

询及是否扮演槟州政府和中央政府之间的中间人角色，安华说，"不能这么说，我是关心渔民的福利，所以前来与大家会面。"

他强调，他仅通知马哈迪要会见渔民，而首相回答说好。

他也通知槟首长曹观友今午会见渔民一事，同时将会针对此南部填海计划课题，尽快与曹观友会面讨论。



■安华（左）到南部海边巡视，倾听渔民心声，右者是纳兹里。

## 納茲里：為漁民生計反對填海

"虽然我曾担心自己挺身而出，会有不好事情发生在我身上，或是我的协会，但为了渔民的生计利益，我始终选择反对南部填海计划。"

纳兹里强调，他们不是为了反对而反对，之前槟州有很多填海计划，比如皇后湾、日落洞、斯里丹绒槟榔等，他没反对。

他说，他认为此填海计划耗资460亿令吉，太贵太浪费钱，不应进行。

他说，尽管填海计划执行伙伴有提出为生计受影响的渔民找新工作，比如保安员、德士司机，但渔民习惯自由自在的工作，不能听从指示工作。

"渔民喜欢海多过自己的妻子，这就是渔民的生活。"

出席者包括槟州卫生、农业及农基工业、乡村发展委员会主席阿非夫、峇东埔国会议员努鲁依莎、非政府组织成员邱思妮、林马惠等人。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bringing in China technology to increase rice production | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A14 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 121 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,415 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,244 |



新闻快拍

哥打毛律

# 引进中国科技增稻产

农业及农业部长长拿督沙拉胡丁指出，该部希望与中国合作引进新科技，提升国内稻米产量。

他说，中国种稻业采用新科技，让该国每公顷稻田可生产8吨稻米，同时能储存足够米供14亿人需求。

他说，在首相敦马哈迪医生访问中国期间，他与部门秘书长拿督沙烈胡丁了解到中国如何维持一年米供应量，以及足够应付庞大人口需求。

「基于该情况，我们呼应首相的期望，以便我国特别是农业部能与中国合作，引进新科技到我国。」

沙拉胡丁周六出席当地一场活动时指出，他计划访问中国海南岛，因为当地种稻业很成功，同时也会访问数间相关研究机构。

Powered by: isentia

| | |
|---|---|
| Headline | Fresh clams shortage, price folded |
| MediaTitle | China Press |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Central | Circulation | 127,822 |
| Page No | C1 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1702 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 33,573 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 100,719 |



海水污染・死亡率高

# 鮮蚶短缺 價格翻倍



■雪隆一带目前面对鲜蚶供应量缺货的情况，以致价格飙升。

郭貞駿

（吉隆坡13日讯）因去年发生海水污染，乔杜雪兰莪和沙白安南一带的养蚶量减少及死亡率飙高，天然蚶苗也大减，以致鲜蚶供应量短缺，售价随之飙升一倍至每公斤11令吉至13令吉50仙，甚至高达15令吉。

## 全國性問題



■疑因海水污染，加上目前养蚶场距离海岸较远，形成蚶的存活率只有20%。

## 蘇永源：養蚶成功率僅20%



■12月才能捞蚶 养蚶场是于今年2、3月放苗，预计需到



■养蚶场业者目前也面对天然蚶苗的数量逐年减少。

## 天然蚶苗數量也大減



■今年的蚶的供应量大减，以致市场出现蚶缺货的情况。

## 難找到貨源

## 去年已缺貨

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Majukan industri walit di luar bandar | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 14 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Majukan industri walit di luar bandar

LAHAD DATU: Rakyat di luar bandar digalak produktif menjana pendapatan dengan mengusahakan rumah walit yang mampu memberi pendapatan lumayan.
Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makan, Dr Daud Yusof berkata peluang dan ruang yang disediakan kerajaan ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***